

24/04/2004

Sesi perbincangan bukan cari kesalahan: Najib

PUTRAJAYA: Kira-kira 40 individu merangkumi pemimpin politik, tokoh korporat, ahli akademik dan peneroka Felda dipilih mengikuti sesi percambahan fikiran bagi membawa Felda melalui proses revolusi, menjadikannya organisasi dinamik dan berdaya maju.

Datuk Seri Najib Razak memulakan Sesi Percambahan Fikiran Bersama Timbalan Perdana Menteri bertemakan 'Menjana Wawasan Felda Untuk Abad Ke-21' di sini, malam tadi.

Turut hadir pada sesi yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri ialah Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Antara yang terpilih menyertai sesi percambahan fikiran itu ialah lima Ahli Parlimen, enam Ketua Setiausaha (KSU) pelbagai kementerian, lapan tokoh korporat, tujuh ahli akademik dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan dua ketua peneroka tanah rancangan Felda.

Turut menjadi ahli sesi percambahan fikiran itu ialah seorang anak peneroka dan wakil belia dari Felda.

Antara mereka ialah Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad; Ahli Parlimen Grik, Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam dan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pengarah Eksekutif Lembaga Tabung Haji Malaysia, Datuk Bakke Salleh.

Turut serta dalam kumpulan percambahan fikiran itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Golden Hope Plantations Berhad, Sabri Ahmad; Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad, Datuk Abdul Wahab Maskan dan Prof Dr Chamhuri Siwar dari Institut Alam dan Pembangunan (Lestari), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Timbalan Presiden Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Dr Shamsul Anwar Sulaiman dan Fasilitator Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Mansor Mohd Nor.

Najib dalam ucapan pembukaannya berkata, individu yang dipilih menyertai sesi itu merangkumi pelbagai latar belakang dan bersifat menyeluruh.

"Jumlah mereka terpilih amat sesuai kerana kita mahu memastikan forum ini berkesan," katanya yang mahukan sesi percambahan fikiran itu berlangsung dalam suasana terbuka, telus serta tanpa tekanan atau batasan protokol.

Sesi percambahan fikiran itu dijangka berakhir malam ini, dengan rumusan akan dijadikan pelan tindakan bagi mencapai matlamat penyusunan semula Felda.

Dalam penstrukturan semula Kabinet seperti yang diumumkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 27 Mac lalu, Felda kini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan Najib sendiri bertanggungjawab mengawasinya.

Najib berkata, sesi percambahan fikiran bukan mahu mencari kesalahan pihak lain, sebaliknya sebagai landasan merangka pelan pembangunan Felda yang lebih komprehensif dan strategik.

Katanya, pemilihan ahli akademik menyertai sesi itu bertujuan membolehkan idea baru dicetuskan manakala tokoh korporat boleh memberikan panduan menjadikan organisasi itu lebih komersial.

"Kita juga meletakkan pengurusan Felda sebagai ahli perbincangan supaya mereka boleh membentangkan apa yang sudah dilakukan selama ini," katanya.

Beliau berkata, pelan tindakan yang bakal dirumus melalui sesi percambahan fikiran itu adalah hasil kolektif dan bukannya bersifat

individu.

"Ia bukan bersifat peribadi kerana kita berkongsi wawasan. Kita berhasrat melihat apa yang dilahirkan 50 tahun lalu (penubuhan Felda) mendapat suntikan baru," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, revolusi Felda amat bertepatan dengan sambutan Ulang Tahun ke-50 Felda yang bakal diraikan pada 2006.

"Kita mahu 50 tahun akan datang, kita melihat kejayaan Felda secara berterusan," katanya.

Najib berkata, kerajaan mahu menjadikan Felda lebih dinamik, berdaya maju, ceria dan paling utama dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi peneroka.

(END)